



JABATAN PEGUAM NEGARA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN: WA-25-136-04/2024

(KES DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ ABDUL RAZAK VS MENTERI  
DALAM NEGERI DAN 6 YANG LAIN)

Jabatan Peguam Negara mengambil maklum laporan media terkini serta kenyataan yang dikeluarkan oleh Tetuan Shafee & Co pada 23 Mei 2025 yang mengesahkan bahawa satu permohonan kebenaran untuk memulakan prosiding komital terhadap mantan Peguam Negara, YBhg. Tan Sri Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, telah difailkan pada 21 Mei 2025.

Untuk penjelasan, isu yang dibangkitkan dalam permohonan tersebut kini merupakan subjek rayuan yang masih belum diputuskan di Mahkamah Persekutuan, yang telah ditetapkan untuk pendengaran pada 1 dan 2 Julai 2025, berkaitan Permohonan Semakan Kehakiman No. WA-25-136-04/2024. Isu-isu yang dijadikan asas kepada permohonan komital akan dihujahkan secara menyeluruh dalam prosiding rayuan tersebut.

Mahkamah Tinggi pada 28 April 2025 telah membenarkan penangguhan terhadap semua prosiding sehingga keputusan rayuan tersebut diselesaikan oleh Mahkamah Persekutuan. Pada 22 Mei 2025, Mahkamah Tinggi turut mengesahkan secara bertulis bahawa penangguhan tersebut meliputi semua prosiding sedia ada dan akan datang yang berkaitan dengan kes ini, termasuk prosiding penghinaan mahkamah.

Sebarang cubaan untuk memulakan atau meneruskan prosiding penghinaan semasa perintah penangguhan masih berkuat kuasa merupakan satu tindakan yang secara

langsung melanggar perintah Mahkamah dan menjaskan pentadbiran keadilan yang teratur. Jabatan Peguam Negara tidak akan teragak-agak untuk memohon supaya permohonan tersebut diketepikan sebagai satu penyalahgunaan proses mahkamah.

Sebagai mantan Peguam Negara, YBhg. Tan Sri Ahmad Terirudin telah menjalankan tugas-tugas beliau selaras dengan fungsi perlembagaan jawatan tersebut. Dakwaan bahawa beliau telah mengelirukan mahkamah adalah tidak berasas sama sekali dan kini sedang diteliti oleh badan kehakiman tertinggi negara. Tindakan untuk memulakan prosiding komital sementara rayuan ini masih berjalan adalah tidak wajar, pramatang, dan prejudis.

Jabatan Peguam Negara menyeru semua pihak agar membenarkan Mahkamah Persekutuan meneliti dan memutuskan isu-isu perundangan dan fakta yang dikemukakan tanpa tekanan, spekulasi atau tindakan luar yang boleh mengganggu perjalanan keadilan. Keadilan mesti ditegakkan mengikut kerangka kedaulatan undang-undang, bukan melalui kenyataan awam atau litigasi selingan.

JABATAN PEGUAM NEGARA

23 Mei 2025



Tuan/Puan,

Kes No : WA-25-136-04/2024  
Pemohon/Perayu : DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ ABD RAZAK  
Responden : MENTERI DALAM NEGERI & 6 LAGI

Adalah saya diarah untuk merujuk kepada perkara di atas. Surat Responden bertarikh 22 Mei 2025 ("surat tersebut") seperti di Lampiran 134 dan Perintah Persetujuan Penggantungan bertarikh 28 April 2025 ("Perintah tersebut") seperti di Lampiran 127 juga adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak-pihak, kandungan surat tersebut telah dirujuk dan dibawa kepada perhatian YA Hakim Datuk Hayatul Akmal binti Abdul Aziz. Berdasarkan perenggan 5 surat tersebut, pihak Responden memohon pengesahan daripada Mahkamah berkenaan persoalan berikut :

*"sama ada Perintah Persetujuan tersebut meliputi prosiding yang berkaitan, termasuk apa-apa permohonan atau tindakan sampingan (seperti prosiding penghinaan) yang dicadangkan untuk difailkan oleh pihak Pemohon"*

3. Saya diarahkan untuk menyampaikan pengesahan daripada Yang Arif Datuk Hayatul Akmal binti Abd Aziz bahawa perkataan "Kesemua prosiding di hadapan Mahkamah..." seperti dalam Perintah tersebut adalah penangguhan meliputi kesemua prosiding/permohonan semasa dan apa-apa prosiding/permohonan akan datang yang difailkan berkaitan dengan kes ini sehingga pelupusan rayuan di Mahkamah Persekutuan Rayuan Sivil No. 01(i)-12-05/2025(W) dan 01(i)-13-05/2025(W).

4. Dikemukakan pengesahan di atas untuk makluman pihak-pihak.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**Siti Nur Hafizah Binti Mohd Sokran**  
Timbalan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur  
Bahagian Kuasa-Kuasa Khas Satu (1)